

**Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli**

---

**From:** Welcome Centre  
**Sent:** 08 Ogos 2016 14:51  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** TEAMWORK RESIPI KEJAYAAN SUTRANITA



08 OGOS 2016 / 05 ZULKAEDAH 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi  
Gambar oleh: Anjung Tamu

**TEAMWORK RESIPI KEJAYAAN SUTRANITA**



**ANJUNG TAMU ONLINE:** Hari ini rata-rata organisasi memberi penekanan supaya staf bekerja sebagai sebuah pasukan atau *teamwork* bagi meraih kejayaan serta pencapaian yang cemerlang.

Untunglah Persatuan Wanita UUM (SUTRANITA) kerana diterajui oleh seorang tokoh pemimpin yang menitikberatkan *teamwork* dalam melaksanakan sebarang aktiviti di semua peringkat.

Isteri kepada Naib Canselor selaku Yang Dipertua SUTRANITA, Datin Seri Norhayati Nazri menyokong bahawa bekerja dalam *teamwork* dapat memberikan hasil yang lebih efektif dan efisien.

Beliau yang ditemui semasa mengadakan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa terkini SUTRANITA di Welcome Centre berkata,

“Harapan saya supaya *team* yang baru dilantik akan lebih komited bagi melaksanakan aktiviti dengan jayanya”.

Tambah beliau lagi,

“Aktiviti yang dilaksanakan bukan sahaja untuk manfaat ahli SUTRANITA sahaja, tetapi seluruh warga kampus UUM akan mendapat manfaat secara keseluruhan”.

Pada umumnya SUTRANITA adalah bukti kecemerlangan wanita yang semakin mampan, stabil dan mampu bergerak seiring dengan arus pemodenan masa kini.

=====

DARIPADA:  
ANJUNG TAMU  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
CANSELORI  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)  
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098  
FAKS: 04-928 3095  
E-MEL: [welcome\\_centre@uum.edu.my](mailto:welcome_centre@uum.edu.my)

